

PINJAMAN PERIBADI/PEMBIAYAAN PERIBADI-i: KEMPEN *EMPOWER* UNTUK GOLONGAN BEKERJA SENDIRI

**Tempoh Kempen**

“Kempen *Empower* Untuk Golongan Bekerja Sendiri” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad 193401000023 (97141-X) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad 2005501009144 (686191-W) (“**HLISB**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 1 Mei 2020 dan tamat pada 30 Jun 2020, (“**Tempoh Kempen**”) kecuali dimaklumkan sebaliknya.

**Terma & Syarat**

**Berikut adalah terma dan syarat yang berkuatkuasa ke atas Kempen (“T&S”):-**

**Kelayakan**

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu warganegara Malaysia yang merupakan pemegang akaun Bank sedia ada dan baharu (“**Pelanggan**”) yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:
  - (a) Berumur antara 21 – 60 tahun;
  - (b) Bekerja sendiri dengan pendapatan minimum Dua Puluh Empat Ribu Ringgit Malaysia (RM24,000) setahun;
  - (c) Tidak mempunyai sebarang baki tunggakan atas mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB sedia ada sebelum Tempoh Kempen (berkenaan kepada Pelanggan sedia ada sahaja).
  
2. Berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen:
  - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan di sisi undang-undang yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
  - (b) Pelanggan yang telah dikenalpasti Bank sebagai mempunyai potensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang termaktub di dalam Terma dan Syarat.
  - (c) Kakitangan tetap dan mempunyai kontrak dengan Bank.
  - (d) Pelanggan sedia ada yang memegang lebih daripada satu Kemudahan (definisi tertakluk di bawah) sedia ada dengan pihak Bank.

**Mekanik Kempen**

3. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi terma yang berikut sepanjang Tempoh Kempen:
  - (a) Memohon untuk sekurang-kurangnya satu daripada kemudahan berikut (“**Kemudahan**”) semasa Tempoh Kempen untuk tempoh dua (2) hingga lima (5) tahun (“**Tempoh Kemudahan**”) dan amaun kemudahan adalah seperti yang tertakluk di jadual di bawah (“**Amaun Kemudahan Dipohon**”):

Kemudahan	Amaun Kemudahan Dipohon (RM)	
	Amaun Minima	Amaun Maksima
Pinjaman Peribadi HLB	5,000	250,000
Pembiayaan Peribadi-i HLISB	5,000	150,000

\*Untuk mengelakkan dari keraguan, Amaun Kemudahan Dipohon tidak semestinya bersamaan dengan Amaun Kemudahan Diluluskan.

Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-i HLISB secara kolektifnya dikenali sebagai “Kemudahan”.

(b) Permohonon untuk Kemudahan dihantar melalui mana-mana satu saluran permohonan berikut:

Platforms
Cawangan Bank, Terminal am:pm, Tablet Jualan dan Perkhidmatan Cawangan

Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausa 3 di atas akan dirujuk sebagai “Pelanggan Layak”.

- Pelanggan Layak akan menerima pokok duit bersalut emas tiruan (“Pokok Duit”).
- Pokok Duit adalah terhad kepada dua ratus lima puluh (250) permohonan pertama setiap bulan dan lima ratus (500) unit sepanjang Tempoh Kempen atas dasar siapa cepat, dia dapat. Ilustrasi jumlah unit yang sedia ada setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen adalah seperti diilustrasikan di Jadual 1:

**Jadual 1**

Bulan	Unit Pokok Duit yang Sedia Ada
Mei 2020	250
Jun 2020	250

- Tanpa mengira bilangan permohonan untuk Kemudahan, setiap Pelanggan Layak hanya layak menerima satu (1) unit Pokok Duit.
- Pelanggan Layak hanya akan menerima Pokok Duit dari kakitangan Bank semasa penghantaran permohonan untuk Kemudahan yang lengkap dan Pelanggan Layak dikehendaki menandatangani Borang Pengiktirafan seperti yang terdapat di Lampiran 1 semasa menerima Pokok Duit.
- Bank tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan dan/atau mengemaskinikan Pelanggan Layak tentang ketersediaan Pokok Duit.
- Pihak Bank tidak mewakilkan atau memberi jaminan terhadap kualiti dan kesesuaian Pokok Duit kepada Pelanggan Layak dan terutamanya, pihak Bank ingin mengulangi bahawa Pukat Duit adalah disalut emas tiruan dan bukannya emas tulen. Bank tidak akan bertanggungjawab menggantikan Pokok Duit sekiranya hilang, dicuri atau Pokok Duit yang rosak (sama ada kerosakan tersebut berpunca dari hasil kualiti dari kilang pengeluar yang masih dibawah jaminan atau sebaliknya). Pelanggan Layak harus, atas kos dan perbelanjaan sendiri, mengurus dengan pengilang untuk maklumat jaminan dan tuntutan berhubung dengan Pokok Duit tanpa melibatkan Bank.

## UMUM

10. Dengan menyertai kempen in, Pelanggan dengan ini:

- i. bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh T&S yang tertakluk di sini dan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i HLISB;
- ii. bersetuju bahawa telah membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh [Notis Privasi Bank](#);
- iii. bersetuju untuk melawat laman sesawang HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau laman sesawang HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Laman Sesawang Bank**”) pada selang masa yang kerap untuk membaca T&S dan untuk mengikut sebarang perubahan atau perbezaan kepada T&S;
- iv. bersetuju membekalkan semua dokumen berkaitan yang mungkin diminta oleh Bank tepat pada masanya supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan dan Bank tidak akan bertanggungjawab jika Kemudahan tidak dapat disalurkan;
- v. bersetuju bahawa keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan dan/atau amaun Kemudahan diluluskan) adalah muktamad, akhir dan mengikat dan sebarang surat-menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikai keputusan tersebut tidak akan dilayan; dan
- vi. bersetuju akan memikul tanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, caj kerajaan atau sebarang caj lain yang boleh dikenakan berdasarkan undang-undang yang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen;
- vii. bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab di sebarang keadaan untuk mana-mana Pokok Duit yang hilang, rosak atau dicuri. Sebarang permintaan untuk menggantikan Pokok Duit yang hilang, rosak atau dicuri tidak akan dilayan Bank.

11. Bank berhak untuk:

- i. menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan mengikut budi bicara mutlakny;
- ii. membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi-bicara mutlakny; dan
- iii. menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlakny, dengan memberi notis awal kepada Pelanggan menggunakan cara memaparkannya di Laman Sesawang Bank, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank;
- iv. menggantikan Pokok Duit dengan hadiah alternatif dengan nilai yang serupa atas budi bicara mutlakny dengan memberi notis awal.

12. T&S yang terkandung di sini dan [Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB](#) hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB/Pembiayaan Peribadi-i HLISB, T&S spesifik di sini akan diguna pakai setakat percanggahan tersebut.

13. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
14. T&S yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
15. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan mufrad termasuk jamak dan sebaliknya.

Lampiran 1

**Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i: Kempen Empower untuk Golongan Sendiri**

**Borang Pengiktirafan**

Saya, seorang Pelanggan Layak di bawah Kempen Empower untuk Golongan Bekerja Sendiri Hong Leong Bank Berhad dan Hong Leong Islamic Bank Berhad, di sini mengiktiraf penerimaan Pokok Duit:

X \_\_\_\_\_

Nama:

Tarikh:

---

**Untuk kegunaan Bank sahaja**

Pokok Duit diberi oleh:

Nama Pegawai Bank:

Tandatangan Pegawai Bank:

Lampiran 2

Nama Singkatan Cawangan	Nama Cawangan	Negeri	Alamat
BBB	Bukit Bintang	Wilayah Persekutuan	53 & 55, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur
CRS	Cheras		No. 114 & 116, Jalan Cerdas, Taman Connaught, Cheras, 56000 Kuala Lumpur
JKL	Jalan Kuchai Lama		No. 31 & 33, Jalan 1/116B, Kuchai Entrepreneurs Park, Off Jalan Kuchai Lama, 58200 Kuala Lumpur.
TME	Taman Melawati		No.266 & 267, Jalan Bandar 12, Taman Melawati, 53100 Kuala Lumpur
UTA	Dataran Sunway	Selangor	No. 2, Jalan PJU 5/8, Dataran Sunway, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
BBT	Bandar Bukit Tinggi		No. 68, Lorong Batu Nilam 4A, Bandar Bukit Tinggi, 41200 Klang, Selangor
SRD	Serendah		No 5 & 7, Jalan Cempaka 1, Taman Cempaka, 48200 Serendah, Selangor
SWY	Bandar Sunway		12 & 14, Jalan PJS 11/28A, Metro Bandar Sunway, Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor
GOM	Gombak		No. G-16 & G-17, Jalan Prima SG1, Taman Prima Sri Gombak, Batu Caves, 68100 Selangor